

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** TUAN AHMAD NAZLAN BIN IDRIS  
[ JERANTUT ]

**TARIKH :** 21.3.2017

**SOALAN :**

Tuan Ahmad Nazlan Bin Idris [ Jerantut ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengkaji kemudahan prasarana, peralatan dan perabot di sekolah yang sering dilanda banjir supaya iaany lebih mudah dipindahkan dan kalis air agar proses pembelajaran tidak terganggu akibat kemusnahan banjir.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) telah merancang membuat perolehan perabot jenis *polypropylene* (plastik) berbanding perabot kayu atas faktor kekerapan kejadian banjir. Namun atas faktor keselamatan murid, penggunaan perabot jenis ini terutama kerusi plastik adalah tidak digalakkan kerana mudah pecah dan tidak stabil. Selain daripada itu, perolehan kerusi meja murid jenis kayu telah ditetapkan di bawah perolehan pusat sistem panel KPM yang sedang berkuatkuasa.